

23 AUG 1983 .

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM mahu pingat 'Kerja Sampai Mati'

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika boleh beliau mahu diberikan pingat 'Kerja Sampai Mati' (KSM) oleh Umno.

"Saya sayangkan Umno lebih daripada diri saya," kata Perdana Menteri di akhir ucapannya di Perhimpunan Agung Umno ke-34, di sini petang ini.

Belliau berikrar akan terus memperjuangkan nasib bangsa Melayu, agama dan negara ini.

"Saya tidak ada kepentingan lain dan saya tidak berniat hendak menyerahkan Umno kepada anak saya. Anak saya pun tidak minat dalam politik. Saya sudah dapat banyak pingat, tiap-tiap negeri boleh dikatakan telah pun memberi saya pingat. Tetapi saya hanya ingin satu saja pingat, KSM... 'Kerja Sampai Mati'," ujarinya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas ucapan seorang perwakilan bahawa jenazah Allahyarham Presiden Sukarno tidak diringi oleh sesiapa ketika dibawa ke kubur kerana pemerintahannya yang diktator.

"Kalau saya mati saya tidak mahu kubur yang besar-besar kerana yang akan ditanam hanya badan saya sahaja bukan roh.

"Kalau saudara-saudari tidak jumpa kubur saya pun tidak apa," tambahnya.

No.

No.